KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	8/1/2022 (SABTU)	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	PTG / PTD PERAK			

HM 8.1.2022_21

Tiada hak rampas jentera, tanah milik swasta

Manjung: Pihak berkuasa negeri tidak boleh merampas jentera atau menahan individu yang didakwa melakukan kerja perlombongan pasir silika di Pantai Pasir Panjang, Segari di sini tanpa bukti sahih berikutan statusnya bukan tanah milik kerajaan, sebaliknya tanah milik sebuah syarikat.

Difahamkan, tindakan itu hanya boleh diambil sekiranya pihak berkenaan membawa keluar pasir dari kawasan itu berikutan tiada sebarang lesen atau permit yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Perak untuk aktiviti berkenaan.

Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Manjung dalam satu kenyataan berkata, bagaimanapun pihaknya bersama PTG Perak melakukan pemantauan termasuk dari laut untuk melihat bukti sekiranya pihak pemilik tanah pernah mengeluarkan pasir silika menggunakan jalan air atau sebaliknya pada 3 Januari lalu.

Menurutnya, pemantauan berkenaan dilakukan bersama Majlis Perbandaran Manjung (MPM), Jabatan Perhutanan Perak dan polis itu juga sudah mengarahkan pemberhentian serta merta aktiviti pengorekan pasir di atas tanah milik berkenaan.

"Pihak pentadbiran daerah dimaklumkan bahawa permohonan ini masih belum dikeluarkan sebarang lesen atau permit bagi aktiviti pengambilan pasir. Sejak tahun lalu sudah beberapa kali pemantauan dilakukan dan meminta supaya pemilik tanah menghentikan kerja pengorekan pasir dan mereka bersetuju serta akur dengan arahan penguatkuasa.

"Kuasa yang ada turut membataskan pihak penguat kuasa untuk menyita jentera serta menahan individu terbabit kerana kerja adalah di atas tanah milik dan bukannya berstatus tanah kerajaan," katanya dalam kenyataan di Facebook kelmarin.

Menurut kenyataan itu, pihak berkuasa juga menasihati pemilik tanah yang mana kawasan berkenaan adalah kawasan sensitif alam sekitar tahap satu.

Katanya, sebarang pengorekan hanya boleh dilakukan selepas mendapat kelulusan Jawatankuasa Permohonan Pasir Silika dan Permit Khas Mineral, jika ia diluluskan.

"Kita dengan bantuan penguat kuasa MPM sudah mengarahkan sekali lagi untuk memberhentikan kerja tanah sehingga kelulusan kerja tanah diperolehi.

"MPM juga memasang *barricade tape* di sekitar tapak lokasi yang beroperasi mengikut Seksyen 70 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974/Akta 133," katanya.